

SOALAN LAZIM (FAQs)
AKAUN HLB MEEZANI-i
[\(English Version\)](#)

Pengenalan

1. **Apakah itu Akaun HLB Meezani-i?**
Akaun HLB Meezani-i adalah akaun pelaburan transaksi yang patuh Syariah berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan (*Mudarabah*) yang dipersetujui antara Pelanggan/Pelabur sebagai Pengeluar Modal dan Hong Leong Islamic Bank Berhad sebagai pengurus dana/usahawan.
2. **Apakah kelebihan melabur dalam Akaun HLB Meezani-i ?**
 - (a) Dapatkan potensi keuntungan:
Berpotensi untuk mendapatkan pulangan yang stabil dan konsisten melalui pelaburan berisiko rendah.
 - (b) Fleksibiliti kewangan:
Mengawal kewangan anda dengan ciri deposit dan pengeluaran yang fleksibel.
 - (c) Peluang memenangi ganjaran:
Pelaburan anda membuka peluang kepada ganjaran yang menarik sepanjang tahun.
3. **Bagaimanakah cara untuk saya membuka Akaun HLB Meezani-i?**
Akaun-i HLB Meezani boleh dibuka di mana-mana cawangan Hong Leong Bank Berhad ("HLB")/ Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") di seluruh negara **ATAU** anda boleh membuat temujanji melalui laman web kami dan Pengurus Perhubungan Deposit (*Deposit Relationship Manager*) kami yang bertugas di kawasan anda akan membantu anda.
4. **Bolehkah saya membuka Akaun HLB Meezani-i jika saya sudah mempunyai Akaun Semasa/Akaun Simpanan HLB ("CASA") atau Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i HLISB ("CASA-i")?**
Ya. Jika anda sudah mempunyai CASA/CASA-i sedia ada dengan HLB/HLISB, anda masih boleh membuka Akaun HLB Meezani-i.
5. **Bolehkah saya membuka lebih daripada satu (1) Akaun HLB Meezani-i?**
Tidak, anda hanya dibenarkan untuk memiliki satu (1) Akaun HLB Meezani-i pada satu masa.
6. **Adakah Akaun HLB Meezani-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?**
Tidak, Akaun HLB Meezani-i TIDAK dilindungi oleh PIDM.
7. **Adakah saya dibenarkan untuk menukar CASA HLB atau CASA-i HLISB kepada Akaun HLB Meezani-i?**
Tidak. Penukaran CASA HLB/CASA-i HLISB kepada Akaun HLB Meezani-i tidak dibenarkan.

Ciri-ciri Akaun

8. **Siapakah yang layak membuka Akaun HLB Meezani-i?**
Semua individu warganegara Malaysia yang mempunyai MyKad dan penduduk tetap yang mempunyai MyPR berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas boleh memohon pembukaan Akaun. Untuk mengelakkan kekeliruan, hanya satu nama dibenarkan sebagai pemegang Akaun.
Nota: Akaun bersama TIDAK dibenarkan untuk pembukaan Akaun HLB Meezani-i.
9. **Apakah tempoh pelaburan yang ditawarkan oleh Akaun HLB Meezani-i?**
Akaun HLB Meezani-i adalah akaun pelaburan harian yang tidak mempunyai tempoh matang.
10. **Berapakah deposit awal yang diperlukan untuk membuka Akaun HLB Meezani-i?**
Deposit awal untuk membuka Akaun HLB Meezani-i adalah Ringgit Malaysia Seratus (RM100).

11. **Berapakah baki minimum yang perlu dikekalkan dalam Akaun HLB Meezani-i?**
Ya, baki minimum yang perlu dikekalkan dalam Akaun HLB Meezani-i adalah Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50).
12. **Bolehkah saya membuat pengeluaran atau deposit pada bila-bila masa?**
Ya, Akaun HLB Meezani-i berfungsi seperti CASA/CASA-i di mana anda boleh deposit dan keluarkan wang pada bila-bila masa menggunakan ATM, CDM, perbankan internet atau perkhidmatan di kaunter.
13. **Adakah kad debit akan dikeluarkan untuk Akaun HLB Meezani-i?**
Jika anda tidak mempunyai kad debit/kad debit-i dengan HLB/HLISB, anda akan diberikan kad debit-i baru untuk membuat pembelian dengan dana yang terdapat di dalam akaun Akaun HLB Meezani-i anda.
14. **Bolehkah saya menggunakan kad debit/kad debit-i HLB/HLISB sedia ada untuk Akaun HLB Meezani-i?**
Ya, anda boleh memautkan Akaun HLB Meezani-i anda dengan kad debit/kad debit-i HLB/HLISB yang sedia ada.
15. **Bagaimanakah cara saya memilih Akaun HLB Meezani-i apabila menggunakan mesin terminal khidmat layan diri (SST)?**
Pilih 'Akaun Semasa' untuk mengakses Akaun HLB Meezani-i anda apabila menggunakan mana-mana mesin SST seperti ATM, CDM, atau Mesin Deposit Cek.
16. **Bolehkah saya memilih untuk mempunyai buku cek bagi Akaun HLB Meezani-i?**
Tiada buku cek akan dikeluarkan untuk Akaun HLB Meezani-i.
17. **Adakah terdapat fi dan caj untuk Akaun HLB Meezani-i?**
Ya. Sila rujuk laman web kami di www.hlbislamic.com.my/akaunpelaburan-i atau imbas kod QR untuk mengetahui fi yang berkenaan bagi Akaun HLB Meezani-i.



Profil Risiko

18. **Adakah wajib untuk melengkapkan profil risiko untuk membuka Akaun HLB Meezani-i?**
Ya, anda perlu melengkapkan profil risiko untuk membuka Akaun HLB Meezani-i.
19. **Mengapakah saya perlu melakukan profil risiko untuk membuka Akaun HLB Meezani-i?**
Profil risiko digunakan untuk menilai profil/selera risiko anda supaya HLISB dapat menasihati sama ada pelaburan tersebut sesuai untuk anda. Ini untuk memastikan bahawa anda memahami risiko dalam membuat keputusan pelaburan.
20. **Bagaimanakah profil risiko membantu saya dalam membuat keputusan pelaburan saya?**
Profil risiko akan menilai anda dalam 3 bahagian:
 - Keupayaan kewangan;
 - Keperluan dan selera pelaburan; dan
 - Pengetahuan dan pengalaman pelaburan.

Penilaian ini bertujuan untuk menyediakan gambaran mengenai profil risiko anda. Walau

bagaimanapun, ketepatan penilaian ini bergantung pada kejujuran anda dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

21. **Bagaimana jika selera risiko saya berubah dari semasa ke semasa?**
Profil risiko anda adalah sah selama dua (2) tahun dan anda boleh mengemas kini pada bila-bila masa.

Pelaburan

22. **Apakah yang saya laburkan?**
Dana dalam Akaun HLB Meezani-i akan dilaburkan dalam aset pembiayaan berkualiti tinggi yang patuh Syariah dalam HLISB.
23. **Siapakah yang menguruskan pelaburan Akaun HLB Meezani-i?**
HLISB.
24. **Adakah saya boleh mengalami kerugian dalam dana yang dilaburkan?**
Ya, anda mungkin mengalami kerugian disebabkan faktor seperti kegagalan pasaran, krisis kewangan/ekonomi, *force majeure* (seperti perang, bencana alam, dll) atau keadaan yang tidak dapat dijangka.
25. **Apakah nisbah perkongsian keuntungan untuk Akaun HLB Meezani-i?**
Anda boleh merujuk nisbah perkongsian keuntungan di laman web kami di www.hlbislamic.com.my.
26. **Adakah pulangan keuntungan dijamin?**
Tidak, pulangan keuntungan TIDAK dijamin. Pulangan bergantung kepada prestasi aset-aset pendasar dan berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan.
27. **Berapakah kadar keuntungan indikatif?**
Anda boleh mendapatkan kadar keuntungan indikatif terkini di laman web Akaun HLB Meezani-i di www.hlbislamic.com.my.
28. **Bilakah saya akan menerima keuntungan?**
Keuntungan akan dikreditkan pada akhir setiap bulan, jika ada.

Program Ganjaran

29. **Apakah Program Ganjaran Akaun HLB Meezani-i?**
Program Ganjaran Akaun HLB Meezani-i ("Program") adalah inisiatif promosi yang direka untuk menggalakkan pelaburan dan memberi ganjaran kepada pelanggan Akaun HLB Meezani-i terpilih.
30. **Siapakah yang layak menyertai Program?**
Program ini terbuka kepada pelanggan yang mempunyai Akaun HLB Meezani-i aktif dan yang merupakan pengguna aktif HLB Connect.
31. **Bagaimanakah s e seorang pelanggan memperoleh ganjaran dalam Program?**
Terdapat lima (5) kategori ganjaran; Harian, Mingguan, Bulanan, Suku Tahunan dan Tahunan. Untuk ganjaran Harian, penyertaan diperoleh berdasarkan baki akhir harian yang terdapat dalam Akaun HLB Meezani-i. Manakala untuk ganjaran Mingguan, Bulanan, Suku Tahunan dan Tahunan, penyertaan diperoleh berdasarkan baki purata bagi tempoh berkenaan.
32. **Berapa kali seorang pelanggan boleh dipilih untuk memperoleh ganjaran?**
Kelayakan pelanggan bagi setiap kategori ganjaran adalah seperti berikut:
- (a) Ganjaran Harian: sekali dalam sebulan kalendar
 - (b) Ganjaran Mingguan: sekali dalam sebulan kalendar
 - (c) Ganjaran Bulanan: sekali dalam suku tahun

- (d) Ganjaran Suku Tahunan: sekali dalam setahun
- (e) Ganjaran Tahunan: sekali sepanjang tempoh program ganjaran

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada T&S.

33. **Bagaimanakah ganjaran tunai diagihkan?**

Ganjaran tunai akan dikreditkan terus ke dalam Akaun HLB Meezani-i atau Akaun Pelaburan Berjangka-i HLISB (“TIA-i”) yang akan dibuka oleh penerima Ganjaran yang terpilih, tertakluk pada Terma dan Syarat TIA-i (sekiranya berkenaan).

34. **Bagaimana saya akan dimaklumkan jika saya dipilih, dan apakah proses untuk menuntut ganjaran?**

Untuk semua Ganjaran tunai, penerima akan menerima Notifikasi Dalam Aplikasi (“IAP”) melalui HLB Connect App dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan dari tarikh Pemilihan Ganjaran. Ganjaran tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun HLB Meezani-i atau TIA-i (jika berkenaan). Untuk Ganjaran bukan tunai, penerima mungkin dikehendaki untuk memberikan butiran diri dan menandatangani borang pelepasan untuk menuntut Ganjaran mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada T&S.

35. **Adakah terdapat sebarang terma dan syarat khusus untuk Program ini?**

Ya, Program ini tertakluk pada T&S, yang tersedia di laman web rasmi Hong Leong Islamic Bank (“Laman Web HLISB”) di www.hlbislamic.com.my. Pelanggan amat digalakkan untuk menyemak T&S ini dengan teliti.

36. **Bagaimanakah pelanggan akan dimaklumkan tentang sebarang perubahan kepada Program?**

HLISB akan menyampaikan sebarang perubahan kepada Program melalui saluran rasminya; Laman Web HLISB dan HLB Connect. Pelanggan digalakkan untuk menyemaknya dari semasa ke semasa untuk informasi terkini.